

TARIKH	ISNIN, 27 NOVEMBER 2023
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	KEDAH TERIMA 15% ROYALTI REE
M/S	34
BIDANG	RARE EARTH
KATA KUNCI	RARE EARTH

Kedah terima 15% royalti REE

Oleh **JAMLIAH ABDULLAH**
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Kerajaan negeri Kedah menjangkakan dapat meraih hasil perlombongan unsur nadir bumi (REE) di Sik yang bermula tahun hadapan dengan kadar royalti 15 peratus.


Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, perkara itu adalah keputusan Kerajaan Persekutuan selepas menjadikan Kedah sebagai negeri kedua merintis projek perlombongan sumber mineral itu selepas Perak.

“Peruntukan hasil baharu ini akan membawa manfaat sepenuhnya kepada rakyat. Pada 2024 pentadbiran tanah Kedah merencanakan kutipan hasil daripada sudut sumber hasil kerajaan paling berdaya maju pada masa hadapan.

“Atas kelulusan penerokaan unsur nadir bumi itu, kerajaan negeri Kedah ucap terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang memberi peluang negeri Kedah dipilih sebagai projek perintis kedua selepas Perak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap membentangkan Belanjawan Kedah 2024 pada Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah ke-15 (Mesyuarat Belanjawan 2024) bermula semalam.

Menurut beliau, pemilihan projek rintis ini akan meletakkan Kedah sebagai negeri berpotensi untuk melaksanakan perlombongan REE dengan anggaran oleh Jabatan Mineral dan Geosains sebanyak 250,000 tan metrik berbanding jumlah keseluruhan rizab REE Kedah



KEDAH bakal menjana pendapatan tambahan tahun depan selepas Kerajaan Pusat meluluskan projek perlombongan REE di negeri itu iaitu yang kedua selepas Perak.

1.196 juta tan metrik.

“Angka ini hasil penerokaan baharu pengekstrakan REE dalam tempoh 10 tahun akan datang. Potensi hasil yang membawa impak besar kepada ekonomi Kedah ini diharapkan dapat diuruskan dengan cekap, amanah dan adil untuk semua terutama rakyat.

“Sebelum itu, kesungguhan dan kesediaan kerajaan Kedah dalam memperkasakan industri mineral khususnya REE diterjemahkan sebagai Dasar Negeri dan pindaan Peraturan Mineral. “Antaranya, Kedah telahpun memasukkan kadar royalti sebanyak 15 peratus bagi Karbonat REE sebagai satu kadar baharu

yang bakal dikutip sekiranya REE menjadi bijih keberhasilan utama sektor perlombongan negeri ini,” katanya.

Justeru Sanusi berharap menjelang pertengahan 2024, sektor itu menjana hasil berdasarkan satu kelulusan pengekstrakan yang telah diberikan sejak Ogos tahun lalu.

**DISEDIAKAN
OLEH**

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM